



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

NAMA KURSUS : AMALAN IKHTISAS
KOD KURSUS : DSB2123
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 6 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (15 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (25 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana - mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
5. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjurusan atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjurusan bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **10** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA BELAS (15)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Manakah antara berikut adalah aktiviti kajian kemungkinan?
 - A Kajian pemasaran
 - B Reka bentuk skim
 - C Kajian penyiasatan tanah
 - D Penyediaan anggaran kos bahan

2. *LAM's Conditions and Engagement* menetapkan perkhidmatan asas minimum yang perlu disediakan oleh Arkitek adalah
 - A Pentadbiran kontrak
 - B Menyediakan kajian untung rugi
 - C Menganugerahkan kontrak kepada kontraktor
 - D Mendapatkan bayaran daripada pihak majikan

3. Apakah peringkat proses pembangunan harta tanah di dalam kenyataan berikut:

Memecah bahagikan tanah yang dipegang di bawah satu hak milik kepada dua atau lebih bahagian yang mempunyai hak milik berasingan.

- A Pecah Sempadan
 - B Sijil Layak Menduduki
 - C Kebenaran Merancang
 - D Kelulusan Pelan Bangunan

4. Apakah jenis lukisan berdasarkan kenyataan berikut:

Lukisan seni bina sesuatu bangunan, objek, tapak atau butiran yang sedia ada yang tepat dan berskala berdasarkan pengukuran di lapangan.

- A Lukisan Siap Bina (*As Built Drawing*)
 - B Lukisan Terukur (*Measured Drawing*)
 - C Lukisan Binaan (*Construction Drawing*)
 - D Lukisan Kerja Pembinaan (*Construction/ Shop/ Working Drawing*)
5. Kandungan dokumen meja tender adalah
- A Surat pemilikan tapak
 - B Fasa-fasa pembinaan
 - C Reka bentuk bangunan
 - D Arahan kepada kontraktor dan syarat-syarat tender
6. Membentuk strategi adalah elemen dalam unsur pengurusan projek dalam fasa
- A Mengawal
 - B Mengurus
 - C Merancang
 - D Melaksana
7. Kenyataan di bawah merujuk kepada jenis kontrak bagi kategori:

Pihak klien menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab penyiapan projek kepada pihak kontraktor.

- A Kontrak *Turnkey*
 - B Kontrak Ukur dan Nilai (*Measure & Value*)
 - C Kontrak Gumpalan/ Harga Pukal (*Lump Sum*)
 - D Kontrak Kos Pembayaran Ganti (*Cost Reimbursement*)
8. Apakah jenis insurans berdasarkan kenyataan berikut:

Insurans terhadap kerugian dan kerosakan ke atas kerja yang disebabkan oleh kebakaran, petir, letupan dan sebagainya sebelum memulakan kerja.

- A Insurans kerja
 - B Insurans takaful
 - C Insurans liabiliti awam
 - D Insurans semua risiko kontraktor (*contractor's all risk*)
9. Bayaran yang dibuat oleh pihak klien kepada pihak kontraktor untuk satu-satu peringkat pembinaan yang telah dilaksanakan serta disahkan sempurna oleh pihak konsultan secara berkala adalah
- A Bayaran interim
 - B Wang kos prima
 - C Bayaran tuntutan kontraktor
 - D Wang peruntukan sementara
10. Apabila kontraktor berjaya membaiki kecacatan bangunan dalam tempoh tanggung kecacatan, arkitek akan menganugerahkan
- A Sijil Tamat Kerja
 - B Sijil Tak Siap Kerja
 - C Sijil Penyiapan Praktikal
 - D Sijil Membaiki Kecacatan
11. Antara berikut, yang manakah dokumen yang perlu disediakan sebelum membuat permohonan kelulusan pelan bangunan?
- i. 4 salinan Dokumen Hak Milik
 - ii. 1 salinan pelan susunatur yang diluluskan
 - iii. Surat permohonan rasmi dari pemilik bangunan
 - iv. 1 salinan surat kelulusan kerja tanah dan infrastruktur
- A i dan iii
 - B i, ii dan iii
 - C i, ii dan iv
 - D i, ii, iii dan iv

12. Antara berikut, yang manakah merupakan reka bentuk skema?

- i. Membuat permohonan Kebenaran Merancang jika perlu
- ii. Menasihati klien tentang implikasi ke atas kos projek dan keseluruhan program tentang sebarang perubahan berikutnya
- iii. Menggambarkan saiz dan ciri-ciri projek dalam perincian yang mencukupi bagi membolehkan klien bersetuju berkenaan dengan penyusunan, bahan dan kualiti
- iv. Memajukan reka bentuk skema daripada garis kasar cadangan dengan mengambil kira pindaan yang diminta oleh klien dan menyediakan anggaran kos

- A** i, iii
B i, ii, iii
C i, iii, iv
D i, ii, iii, iv

13. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada tender terpilih?

- i. Tender diiklankan di laman web
- ii. Tender dipelawa untuk kontraktor bumiputera sahaja
- iii. Jumlah kontraktor yang menyertai tender telah diketahui dan ditentukan
- iv. Senarai nama kontraktor boleh diperolehi berdasarkan syor dari Juruukur Bahan

- A** i, ii
B i, iii
C iii, iv
D i, ii, iv

14. Antara berikut, yang manakah kepentingan dokumen kontrak?

- i. Rujukan utama dalam proses pembinaan
- ii. Sebagai satu alat pengurusan dalam mengawal mutu kualiti kerja
- iii. Menyampaikan maksud dan niat klien dan pereka bentuk kepada pihak yang terlibat
- iv. Sebagai sumber perundangan jika mutu kerja ini tidak dicapai atau berlaku pertelingkahan kontrak

- A i, iii
- B i, ii, iv
- C ii, iii, iv
- D i, ii, iii, iv

15. Apakah urutan langkah yang betul dalam menyediakan senarai bahan?

- i. Menganggar kos
- ii. Mengumpulkan kuantiti
- iii. Mengukur dan mengeluarkan kuantiti mengumpul data-data yang berguna bagi
- iv. Mentafsir lukisan dengan menilai setiap jenis lukisan yang disertakan dengan menerangkan secara keseluruhan fizikal sesebuah projek

- A i, ii, iii, iv
- B ii, iii, iv, i
- C iii, iv, i, ii
- D iv, iii, ii, i

[15 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Sebelum sesebuah bangunan boleh dihuni oleh penduduk, bangunan tersebut perlu disahkan selamat dengan memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.

a. Senaraikan **tiga (3)** *Principal Submitting Person (PSP)* bertanggungjawab mengeluarkan CCC setelah semua pengesahan pada setiap komponen pembinaan lengkap.

(3 markah)

b. Selepas menerima notis milikan kosong (*vacant possession*) pembeli perlu mengambil kunci dalam tempoh 14 hari. Pada pendapat anda, mengapakah tempoh ini diberikan kepada pembeli?

(4 markah)

c. Berdasarkan pemahaman anda, huraikan proses mendapatkan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dari mula sehingga tamat proses.

(8 markah)

SOALAN 2

Malaysia Airports Holdings Berhad ingin membina sebuah lapangan terbang antarabangsa di Negeri Sembilan. Pemilihan kontraktor untuk membina lapangan terbang ini mestilah melalui proses tender.

a. Senaraikan **tiga (3)** perkara yang dipertimbangkan semasa pemilihan kontraktor yang layak.

(3 markah)

- b. Cadangkan **satu (1)** jenis tender yang bersesuaian dengan projek ini dan berikan sebab terhadap pemilihan tersebut.

(4 markah)

- c. Dengan menggunakan jadual, senaraikan **empat (4)** perbezaan kelebihan dan kekurangan antara jenis-jenis tender yang ada.

(8 markah)

SOALAN 3

Program kerja tapak bina yang baik dapat membantu kontraktor memantau dan mengawal kemajuan kerja agar dapat dijalankan mengikut perancangan.

- a. Senaraikan **tiga (3)** unsur pengurusan projek.

(3 markah)

- b. Pada pandangan anda, apakah perkara utama yang perlu diambil kira dalam penyediaan program kerja tapak bina?

(4 markah)

- c. Berdasarkan pemahaman anda, huraikan **empat (4)** pendekatan yang boleh digunakan dalam menjalankan proses pembinaan.

(8 markah)

SOALAN 4

Semua pihak yang bekerja di tapak pembinaan wajib mengutamakan keselamatan diri masing-masing. Menitik beratkan soal keselamatan di tapak bina dapat mengelakkan dari berlakunya kemalangan.

- a. Senaraikan **tiga (3)** kesan kemalangan fizikal di tapak bina.

(3 markah)

b. Pada pendapat anda, huraikan **dua (2)** punca kemalangan di tapak bina.

(4 markah)

c. Selaku pekerja, cadangkan **empat (4)** langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan kemalangan di tapak bina.

(8 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **SATU (1)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Sewaktu pembinaan sedang berjalan perubahan kerja disebabkan faktor kebakaran boleh berlaku dan menyebabkan kerja di tapak bina dilanjutkan. Keadaan ini telah mengganggu perancangan kerja, kos dan masa pembinaan.

a. Senaraikan **lima (5)** sebab perubahan kerja.

(5 markah)

b. Berdasarkan pemahaman anda, terangkan **empat (4)** faktor lain selain dari kenyataan di atas yang boleh menyebabkan lanjutan masa kerja.

(8 markah)

c. Huraikan **enam (6)** peranan arkitek jika terdapat perubahan kerja di tapak bina.

(12 markah)

[25 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT